

9

PERKEMBANGAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA DAN TENAGA BURUH DI MALAYSIA

Muhammad Baqir Abdullah, Nor Balqis Badrol Hisham dan Mohd Farid Abd Latib

Pada awal kemerdekaan Malaysia, kegiatan ekonomi masyarakat masih lagi aktiviti ekonomi yang diwarisi oleh sistem ekonomi penjajahan British. Sektor pertanian, pemburuan, perikanan, penternakan dan perlombongan masih menjadi penyumbang utama ekonomi Malaysia. Manakala komoditi perdagangan utama Malaysia pada masa tersebut ialah bijih timah, getah dan kelapa sawit sehingga tahun 1970-an. Pada masa tersebut industri perniagaan kecil sederhana di Malaysia kebanyakannya melibatkan aktiviti dari subsektor dalam sektor pertanian secara kecil-kecilan dan perkhidmatan seperti perniagaan borong dan runcit. Selepas tahun 1970-an, aktiviti utama ekonomi di Malaysia mula beralih dari aktiviti sektor perlombongan dan sektor pertanian kepada sektor pembuatan. Kegiatan aktiviti ekonomi menjadi semakin pelbagai dan pertumbuhan ekonomi menjadi semakin kukuh. Perubahan struktur ekonomi dari sistem ekonomi yang berasaskan kepada aktiviti pertanian menjadi sistem ekonomi yang berasaskan kepada sektor pembuatan. Sektor pembuatan menjadi sektor yang paling banyak menyumbang kepada pendapatan negara melalui pertambahan eksport terutamanya industri pembuatan produk elektrik dan elektronik serta menjadi faktor utama kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas. Perubahan struktur ekonomi juga mendorong kepada pertambahan bilangan firma industri kecil dan sederhana dan kebanyakannya lebih memberi tumpuan kepada pasaran tempatan pada skala pengeluaran kecil. Pada pertengahan tahun 1990-an, kewujudan industri kecil dan sederhana menjadi semakin penting terutamanya semasa krisis kewangan Asia pada tahun 1997 hingga 1998 dan cabaran globalisasi. Perniagaan dalam industri kecil dan

sederhana menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Hingga kini perkembangan industri kecil dan sederhana bukan sahaja melibatkan sektor pertanian dan sektor pembuatan, malahan industri kecil dan sederhana sudah berkembang secara meluas dan turut sama melibatkan aktiviti ekonomi dari sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan perdagangan borong dan runcit.

PERUBAHAN BILANGAN BURUH DAN PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI

Sejak dari tahun 1970-an, sumbangan sektor pembuatan dalam ekonomi Malaysia menjadi semakin penting dan menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi pada masa tersebut. Kedudukan ekonomi Malaysia menjadi semakin kukuh dan peluang pekerjaan semakin bertambah dalam pelbagai sektor ekonomi terutamanya dalam sektor-sektor pembuatan. Namun begitu, jumlah pekerjaan dalam sektor-sektor pertanian masih lagi menjadi penyumbang utama. Pada tahun 1982, bilangan buruh dalam sektor pertanian adalah sebanyak 31.2% iaitu mewakili seramai 1.64 juta orang daripada jumlah bilangan buruh keseluruhan berbanding dengan sektor pembuatan iaitu seramai 15.5% iaitu mewakili seramai 816 ribu orang. Manakala bilangan buruh dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak 45.1% iaitu mewakili seramai 2.37 juta orang. Hal yang demikian menunjukkan bahawa peratus sumbangan sektor-sektor ekonomi kepada pendapatan negara dilihat tidak menunjukkan sumbangan yang selari dengan pertambahan bilangan buruh mahir dalam sektor-sektor yang terlibat. Sektor pertanian memerlukan lebih ramai buruh walaupun tingkat output yang lebih rendah berbanding dengan tingkat output sektor pembuatan. Sebaliknya, sektor pembuatan dilihat mempunyai bilangan buruh yang lebih sedikit berbanding dengan sektor pertanian, tetapi mempunyai daya pengeluaran output yang lebih tinggi. Hal ini kerana sektor pembuatan menggunakan teknologi yang lebih canggih dan memerlukan buruh yang terlatih dan mahir sahaja berbanding dengan sektor pertanian. Oleh itu, sektor pembuatan pada masa tersebut masih lagi kurang menggunakan ramai pekerja dalam proses pengeluaran barangan.